

## JENIS TANAMAN YANG DIWAJIBKAN ZAKAT MENURUT PANDANGAN FUQAHAK DAN TARJIH PANDANGAN OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS

Mohd Nazim bin Mohd Noor<sup>1</sup> dan Shuhairimi Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Sains Gunaan & Kemanusian, Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

Kewajipan ibadah zakat merupakan perkara yang tidak diperselisihkan dalam kalangan umat Islam. Hakikat ini telah diyakini memandangkan zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam. Ia merupakan salah satu daripada kewajipan ibadah terhadap harta (Ibadah Maliyyah) yang dituntut untuk dilaksanakan. Zakat adalah ibadah harta yang berkaitan dengan hubungan sosial dan kemasyarakatan dan merupakan gandingan pelengkap kepada tauhid dan solat yang akan menyemai kepada perpaduan dalam kalangan umat Islam. Kewajipan zakat telah dinyatakan disepakati oleh umat Islam melalui dalil al-Qur'an, as-Sunnah dan al-Ijma'. Oleh itu, metodologi yang digunakan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kepada analisis kandungan yang cenderung kepada kajian kualitatif. Pandangan tarjih yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam soal jenis tanaman yang diwajibkan zakat adalah menghampiri pandangan dalam mazhab Hanafi yang dilihat lebih luas dan menepati realiti dan kontek semasa. Dengan kemajuan bidang pertanian yang seiring dengan kepesatan teknologi, tarjih ini dilihat lebih menyampaikan maksud di sebalik kewajipan menunaikan zakat iaitu untuk membersihkan hasil daripada tanaman demi manfaat golongan asnaf layak menerima zakat.

**Kata kunci:** tanaman; zakat; fuqaha'; tarjih

### ABSTRACT

*The duty of zakat is a matter that is not disputed among Muslims. This fact has been believed since zakat is one of the pillars of Islam. It is one of the obligations of worship towards property (Ibadah Maliyyah) that is required to be implemented. Zakat is an act of worship related to social and community relations and is a complementary combination to monotheism and prayer that will sow unity among Muslims. The duty of zakat has been stated and agreed upon by Muslims through the arguments of the Qur'an, as-Sunnah and al-Ijma'. Therefore, the methodology used in this writing is based on content analysis that tends to qualitative research. The view of tarjih that has been chosen by the Perlis State Fatwa Committee on the question of the types of crops that require zakat is close to the view of the Hanafi school which is seen more widely and conforms to the current reality and context. With the progress of the agricultural field that goes hand in hand with the speed of technology, this tarjih is seen to convey more the meaning behind the obligation to pay zakat, which is to clean the produce from crops for the benefit of the asnaf group who are eligible to receive zakat.*

**Keywords:** plant; zakat; jurist'; tarjih

### 1. PENDAHULUAN

Al-Qur'an tidak memperjelaskan jenis-jenis zakat dan syarat-syarat yang diwajibkan untuk berzakat secara terperinci. Walaubagaimanapun as-Sunnah telah memperjelaskan mengenai perincian berkaitan ibadah zakat. Perkara ini adalah sesuai dengan sifat kedudukan Baginda

Rasulullah SAW yang paling mengetahui akan tujuan dan maksud firman Allah SWT (Qaradawi, 2014). Justeru, terdapat beberapa perkara yang disepakati dan tidak disepakati dari kalangan fuqahak berkaitan perkara-perkara cabang dalam menunaikan kewajipan berzakat.

## 2. KEWAJIPAN BERZAKAT DAN JENIS-JENISNYA YANG UTAMA

Para ulamak telah memberikan beberapa pendapat mengenai jenis-jenis zakat yang diwajibkan. Tuwayjiri (2010), berpandangan bahawa zakat dibahagikan kepada tiga seperti berikut:

1	Zakat yang wajib terhadap harta seperti emas, perak dan wang; ternakan; tanaman dan perniagaan.
2	Zakat yang wajib terhadap individu iaitu zakat fitrah
3	Zakat yang tidak wajib (تطوع) iaitu sedekah sebagai sumbangan ihsan.

Pandangan Tuwayjiri adalah berdasarkan penggunaan perkataan zakat dalam al-Qur'an yang merujuk kepada maksud sedekah sunat selain merujuk kepada maksud zakat. Selain itu, terdapat pandangan Qahtani (2010) yang berpendapat, zakat terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut:

1	Zakat terhadap jiwa atau penyucian jiwa ( <i>tazkiyatun-nafs</i> )
2	Zakat terhadap badan iaitu zakat fitrah
3	Zakat terhadap harta

Pandangan ini turut mengaitkan makna-makna perkataan zakat dalam al-Qur'an yang diterjemah secara literal. Berdasarkan pandangan-pandangan para sarjana, dapatlah disimpulkan bahawa zakat dengan harta terbahagi kepada dua jenis yang utama.

1	Zakat fitrah ialah pembayaran yang wajib dibayar oleh setiap individu muslim pada bulan Ramadhan.
2	Zakat harta ialah merupakan satu pembayaran yang wajib dikenakan apabila sesuatu harta itu mencapai kadar dan tempoh yang telah ditetapkan oleh syarak. Antara harta-harta yang dikenakan zakat adalah emas dan perak, perniagaan, pendapatan, saham, wang, simpanan, pertanian dan maadin.

## 3. KEWAJIPAN ZAKAT TANAMAN

Zakat tanaman merupakan satu kewajipan yang telah ditetapkan oleh syarak. Hasil daripada tanaman diwajibkan zakat memandangkan ianya adalah daripada jenis harta yang wajib dizakatkan. Zakat tanaman diertikan sebagai mengeluarkan kadar yang tertentu daripada hasil tanaman yang tertentu yang mencukupi syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan-golongan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak (Nurul Hidayah Mansor, 2012).

Qaradawi (2014) menyatakan pandangan menyatakan bahawa zakat hasil tanaman pertanian juga dikenali dengan pelbagai sebutan. Namun ia tetap memberi maksud yang sama. Di kalangan mazhab Hanafi terkenal dengan sebutan 'usyr, di kalangan mazhab Syafi'i dan Maliki pula dikenali dengan zakat al-zuru' wa al-Thimar. Terdapat juga golongan yang menyebut dengan kalimah *al-Mu'asshirat* atau *al-nabat* (Qaradawi 2014).

Kewajipan tersebut adalah *thabit* berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qur'an, al-Sunnah, pendapat sahabat dan 'Ijma'. Dalil kewajipan zakat tanaman antaranya seperti berikut:

*"Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan tidak berjunjung, pohon kurma, hasil tanaman yang beraneka jenis rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buahnya apabila berbuah dan bayarlah kewajipan zakat pada hari memetik hasil".*

(Terjemahan Surah al-'An'am 4: 141)

*"Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan Ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji".*

(Terjemahan Surah al-Baqarah 2: 267)

Daripada Jabir bin 'Abdillah RA, bahwasanya Baginda Rasullah SAW telah bersabda yang bermaksud:


*"Kadar zakat tanam-tanaman yang disirami air sungai dan hujan ialah sepersepuluh (sepuluh peratus) dan tanam-tanaman yang disirami menggunakan tenaga ialah setengah persepuhluh (lima peratus)".*

(Hadith Riwayat Muslim, al-Nasa`ie, Abu Daud dan Ahmad)

#### 4. HASIL TANAMAN YANG DIWAJIBKAN ZAKAT

Secara umumnya, hasil tanaman diertikan sebagai semua hasil pertama yang diperolehi daripada usaha tanaman sama ada ia adalah tanaman jangka pendek atau tanaman jangka panjang (Saneep Ahmad dan Harunnizam Wahid, 2004). Tanaman jangka pendek diertikan sebagai tanaman yang hasilnya diperolehi sekali untuk setiap kali tanaman seperti sayur-sayuran, jagung dan nenas. Manakala tanaman jangka panjang pula diertikan sebagai tanaman yang hasilnya diperolehi secara berkekalan dalam jangka masa yang panjang untuk setiap kali tanaman seperti kelapa sawit, getah dan kelapa.

Menurut statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, daripada RM8.9 bilion sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sebanyak 43.1% adalah daripada jenis tanaman kelapa sawit manakala sebanyak 7.1% adalah daripada tanaman getah. Persoalan yang timbul adalah apakah hanya hasil zakat daripada aktiviti penanaman padi sahaja yang dikenakan zakat sedangkan ia bukanlah jenis tanaman yang dominan menyumbang kepada KDNK.



**Rajah 1.0:** Peratus sumbangan mengikut jenis aktiviti ekonomi Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK) Tahun 2016.

Terdapat perbezaan dari kalangan para sarjana Islam berkaitan hasil tanaman yang diwajibkan untuk dikeluarkan zakat ke atasnya ('Ulwan, 2007). Pelbagai pandangan dalam kalangan para fuqaha berkaitan penetapan ciri dan jenis tanaman yang diwajibkan zakat tanaman. Perbezaan ini adalah mengambil kira perbezaan dan latar mereka dalam melihat dalil selain fokus mereka yang berbeza terhadap tujuan terhadap kewajipan berzakat.

Malah perbezaan pandangan para fuqaha berkaitan jenis-jenis tanaman yang diwajibkan zakat (Qaradawi, 2014). Pendapat Ibn Umar R.A dan sebahagian daripada golongan *salaf* daripada kalangan *tabi'in* yang berpendapat bahawa kewajipan zakat tanaman hanya diwajibkan ke atas 4 jenis makanan asasi yang telah dinyatakan dengan jelas dalam hadis-hadis iaitu gandum, barli, tamar dan *zabib* (kismis).

*Mazhab Malikiyyah*, dan *Mazhab Syafi'iyyah*, telah menetapkan zakat tanaman hanya diwajibkan ke atas seluruh makanan asas atau ruji dan yang dapat disimpan kering sama ada daripada bijirin dan buah-buahan seperti gandum, tamar, jagung, padi dan sebagainya. Di sisi *mazhab hambali* pula mereka berpendapat bahawa segala hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan boleh disukat ada diwajibkan zakat. *Mazhab Hanafiyyah* dan lebih cenderung kepada praktikal pada ruang lingkup pandangan mereka yang mewajibkan zakat ke atas semua jenis tanaman.

Pandangan-pandangan tersebut dijelaskan seperti jadual berikut:

Ciri Tanaman yang Dikenakan Zakat	Pandangan	Contoh Jenis Tanaman
Empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja	Ibn 'Umar, Riwayat Ahmad, Musa bin Talhah, al-Hasan, Ibn Sirin, al-Sya'abi, al-Hasan bin Soleh (Qaradawi, 2014)  Ibn Abi Laila, Sufyan al-Thauri dan Ibn al-Mubarak (Qurtubi, 1982)  Ibn al-Mundzair, Ibn 'Abd al-Bar dan Abu 'Ubaiyd serta Ibrahim (Ibn Qudamah, 2007).	Gandum, barli, tamar dan <i>zabib</i> (kismis)

Makanan utama yang mengenyangkan dan boleh disimpan lama	Imam Malik (Dusuqi, 1996) Imam Syafi'i (Khatib, 1997).	Gandum, barli, jagung, padi dan seumpamanya yang mengikut adat kebiasaan setempat.
Hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat.	Ahmad bin Hambal (Ibn Qudamah, 2007).	Gandum, barli, jagung, padi, kacang peas, kacang putih, rempah seperti jintan dan cengklik.
Apa sahaja yang dihasilkan daripada bumi sama ada banyak atau sedikit.	Abu Hanifah (Kasani, 2000) Abu Yusuf. 'Umar 'Abd al-'Aziz, Mujahid, Hamad, Daud dan al-Nakha'i (Qaradawi, 2014)	Semua makanan, hasil tanaman pertanian, sayur-sayuran atau rumput rampai.

**Jadual 1.0:** Ringkasan Pandangan Ulamak Terhadap Tanaman Yang Diwajibkan Zakat

(Sumber: Hasil ringkasan penyelidik berdasarkan pandangan Ibn Qudamah (2007), Ibn Hazm (1988), Qaradawi (2014), Qurtubi (1982), Dusuqi (1996), Khatib (1997), Kasani (2000).)

Berdasarkan jadual di atas, pandangan yang pertama, tanaman yang dikenakan zakat hanya pada empat jenis bijirin dan buahan yang menjadi makanan utama iaitu gandum, barli, tamar dan kismis (Ibn Qudamah, 2007). Ia disandarkan kepada pandangan daripada hadis 'Amru Ibn Syu'aib. 'Abdullah Ibn 'Amru berkata:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّزْكَةُ فِي الْحَنْطَةِ وَالشَّعْبِرِ وَالثَّمْرِ وَالزَّبِيبِ إِنَّمَا سِنْ رَسُولُ اللَّهِ

“Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. mewajibkan zakat pada gandum, barli, tamar dan zabib”

Ditambah dalam riwayat Ibn Majah “Jagung”.

(Terjemahan Hadith daripada al-Talkhis al-Habir, Sunan Ibn al-Majah dan Sunan al-Dar al-Qutni)

Daripada dalil di atas, di sisi pandangan pertama, hanya terdapat empat jenis tanaman sahaja yang diwajibkan zakat iaitu gandum, kurma, barli dan kismis yang dikenakan zakat. Oleh itu, tumbuhan atau buah-buahan selain empat jenis hasil ini tidak dikenakan zakat. Ia berasaskan kepada hukum asal iaitu tidak ada kewajipan kecuali jika ada dinaskan sebaliknya. Walau bagaimanapun, Ibrahim al-Nakha'i menambah satu lagi tanaman iaitu jagung dan Ibn 'Abbas menambah zaitun (Ibn Qudamah, 2007).

Pada pandangan Imam Malik dan Imam Syafi'i, ciri makanan yang dikenakan zakat adalah makanan utama yang mengenyangkan dan boleh disimpan lama. Makanan utama ialah apa yang dimakan oleh orang ramai sebagai makanan asasi yang mengenyangkan (*qut*) dalam keadaan biasa. Imam Malik dan Imam Syafi'i berpendapat bahawa zakat tidak dikenakan pada buah-buahan kecuali tamar dan zabib iaitu zakat tidak dikenakan ke atas bijirin kecuali yang menjadi makanan utama (Ibn Qudamah, 2007).

Menurut pandangan Ibn Hambal zakat dikenakan ke atas hasil pertanian yang memenuhi semua sifat-sifat iaitu boleh dikeringkan, tahan lama dan boleh disukat sama ada bijirin atau buah-buahan yang terhasil dari usaha tanaman manusia (Qaradawi, 2014). Manakala menurut pandangan Abu Hanifah pula berpendapat bahawa zakat dikenakan ke atas semua yang terhasil dari muka bumi sama ada sengaja diusahakan atau yang tumbuh sendiri ('Ulwan, 2007). Antara nas yang menjadi dalil kepada pandangan mazhab Abu Hanifah adalah melalui Firman Allah S.W.T:

*“Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji”.*

(Terjemahan Surah al-Baqarah 2: 267)

Pengertian umum ayat di atas menjelaskan wajib zakat kepada semua jenis tumbuhan di muka bumi (Qaradawi, 2014). Ayat ini menjadi asas kepada pandangan Imam Abu Hanifah selain firman Allah S.W.T dalam Surah al-`An'am:

*“...dan tunaikanlah haknya (zakat) pada hari tuaianya...”*

(Terjemahan Surah al-`An'am 6: 141)

Pendapat ini turut dikuatkan dengan hadith Nabi S.A.W yang tidak membezakan jenis tanaman sama ada yang tahan lama atau tidak, yang ditimbang atau tidak dan yang menjadi makanan asas atau tidak (Qaradawi, 2014).

فيما سقط السماء والعيون أو كان عثريا العشر ، وما سقى بالنضح نصف العشر

*“Pada apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan sepuluh peratus dan pada apa yang dijirus dengan tangan lima peratus”.*

(Terjemahan Hadith Riwayat al-Bukhari)

## 5. TARJIH PARA FUQAHAK SEMASA DAN INSTITUSI FATWA BERKAITAN JENIS TANAMAN YANG DIWAJIBKAN ZAKAT

Para ulamak kontemporari telah berbeza pendapat dalam mentarjihkan pandangan fuqaha terdahulu berkaitan jenis tanaman yang diwajibkan zakat. Qaradawi (2014), telah cenderung memilih pandangan Imam Abu Hanifah yang mewajibkan zakat ke atas semua jenis tanaman. Demikian juga pandangan oleh ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz, Mujahid, Hamad, Daud dan al-Nakha’i (Qaradawi, 2014). Justifikasi pentarjihan oleh Qaradawi adalah mengambil kira pandangan ini lebih menepati nas atau dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta lebih bertepatan dengan hikmah pensyariatan zakat.

Selain itu, ‘Ulwan (2007) juga mentarjihkan pandangan Mazhab Abu Hanifah yang mewajibkan zakat ke atas semua jenis hasil tanaman dan berpendapat bahawa pandangan ini lebih merealisasikan kemasyarakatan serta kepentingan golongan fakir dan miskin (‘Ulwan, 2007).

Walaubagaimanapun, Sayyid Rasyid Redha telah cenderung mentarjihkan pendapat yang hanya mewajibkan zakat ke atas empat jenis tanaman iaitu gandum, kurma, barli dan kismis (Qaradawi, 2014) manakala Zuhayli (2010) mentarjihkan pendapat di sisi Mazhab Syafi’i dan Mazhab Maliki yang mewajibkan zakat tanaman ke atas makanan asasi sesuatu masyarakat. Al-Bahuti (1999), Ibn ‘Uthaymeen (2002) telah cenderung kepada pandangan Imam Ahmad yang hanya mewajibkan zakat ke atas tanaman yang disimpan lama dan boleh disukat. Pendapat ini turut disepakati oleh Qahtani (2010).

Beberapa pihak berautoriti dalam fatwa turut memberikan pandangan dalam menentukan jenis tanaman yang diwajibkan zakat. ‘Allam (2015), turut cenderung kepada pendapat Imam Abu Hanifah. Pendapat beliau sebagai Mufti Negara Mesir telah membentuk kecenderungan dalam pengamalan dan pelaksanaan zakat tanaman di Negara Mesir. Diwan al-Zakah al-Sudan telah mewartakan Qanun al-Zakah (2001), satu dokumen Undang-undang Negara Sudan juga

telah cenderung mewajibkan zakat ke atas semua jenis tanaman termasuk buah-buahan, sayur-sayuran dan hasilan hutan. Demikian pandangan daripada Bait al-Zakah al-Kuwaiti (2018), Dar al-'Ifta` Mesir (1991) dan Dar al-'Ifta` Palestin (2015) yang turut mewajibkan zakat ke atas semua hasil daripada bumi daripada tanaman, buah-buahan dan sayur-sayuran. Majlis al-'Ifta` wa al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah Jordan (2014) cenderung kepada pandangan yang mewajibkan zakat tanaman ke atas makanan ruji seperti pendapat Imam al-Syafi'i.

Dalam konteks Malaysia, semua negeri telah menfatwakan kewajipan zakat tanaman hanya terhadap tanaman padi (Hasanah Binti Abd Khafidz, 2006). Realiti ini adalah mengambil kira pengaruh Mazhab al-Syafi'i dalam amalan pelaksanaan zakat tanaman di Malaysia (Mahyuddin Abu Bakar, 2000) (Mohammad Azam Hussain, 2004). Walaubagaimanapun, negeri Perlis telah memfatwakan kewajipan zakat terhadap semua hasil tanaman (Himpunan Fatwa Negeri Perlis, 2015).

Pandangan ulamak semasa dan institusi fatwa yang berautoriti terhadap jenis tanaman yang diwajibkan zakat dalam seperti jadual berikut:

Ciri Tanaman yang Dikenakan Zakat	Pandangan	Ulamak Semasa / Institusi Fatwa
Empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja	Ibn 'Umar, Riwayat Ahmad, Musa bin Talhah, al-Hasan, Ibn Sirin, al-Sya'abi, al-Hasan bin Soleh (Qaradawi, 2014)  Ibn Abi Laila, Sufyan al-Thauri dan Ibn al-Mubarak (Qurtubi, 1982)  Ibn al-Mundzair, Ibn 'Abd al-Bar dan Abu 'Ubaiyd serta Ibrahim (Ibn Qudamah, 2007).	Sayyid Rasyid Redha
Makanan utama yang mengenyangkan dan boleh disimpan lama	Imam Malik (Dusuqi, 1996)  Imam Syafi'i (Khatib, 1997).	Zuhayli, Majlis al-'Ifta` wa al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah Jordan, Fatwa Semua Negeri di Malaysia kecuali Perlis
Hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat.	Ahmad bin Hambal (Ibn Qudamah, 2007).	Al-Bahuti, Ibn 'Uthaymeen, Qahtani.
Apa sahaja yang dihasilkan daripada bumi sama ada banyak atau sedikit.	Abu Hanifah (Kasani, 2000)  Abu Yusuf. 'Umar 'Abd al-'Aziz, Mujahid, Hamad, Daud dan al-Nakha'i (Qaradawi, 2014)	Qaradawi, 'Ulwan, 'Allam (Mesir), Qanun al-Zakah (Sudan), Bait al-Zakah al-Kuwaiti (Kuwait), Dar al-'Ifta` al-Misriyyah (Mesir), Dar al-'Ifta` al-Filistiniyyah (Palestin), Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

**Jadual 1.1:** Ringkasan Pandangan Ulamak Semasa dan Institusi Fatwa Berautoriti Terhadap Tanaman Yang Diwajibkan Zakat

(Sumber: Hasil ringkasan penyelidik berdasarkan pandangan Ibn Qudamah (2007), Ibn Hazm (1988), Qaradawi (2014), Qurtubi (1982), Dusuqi (1996), Khatib (1997), Kasani (2000).)

Secara ringkasnya pandangan-pandangan tersebut dirumuskan seperti berikut (Mahmud Zuhdi Abdul Majid, 2003):

1	Zakat wajib pada empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja
2	Zakat wajib pada makanan utama yang boleh disimpan lama
3	Zakat wajib pada hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat
4	Zakat wajib pada semua hasil tanaman dan tumbuhan

Oleh itu, disimpulkan bahawa Syariat Islam banyak memberi kelonggaran dalam menentukan keputusan yang sesuai dengan objektif Syariat Islam itu sendiri (Mahmud Zuhdi Abdul Majid, 2003). Tujuan atau *maqasid syari'ah* merupakan keutamaan dalam memilih pandangan yang menepati keperluan dan suasana sesuatu masyarakat terhadap sesuatu urusan agama.

## 6. TARJIH PANDANGAN OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS

Selari dengan keunikan pandangan Agama Islam di Perlis yang tidak terikat kepada mazhab-mazhab tertentu, menjadikan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali ke-14/2014 yang bersidang pada 4-5 Mei 2014 telah bersetuju untuk mengelakkan keputusan fatwa yang telah mentarjihkan pandangan Imam Abu Hanifah RA. Risalah "Panduan Mengeluarkan Zakat" oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis Cetakan keenam 1997 yang diterbitkan oleh MAIPs telah dinyatakan seperti berikut :

*"Zakat Pertanian ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh manusia di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya, samada berbentuk biji-bijian dan buah-buahan tertentu sahaja atau dalam sebarang bentuk lain yang diusahakan oleh mereka."*

*Jenis-jenis hasil pertanian yang diwajibkan zakat ke atasnya:*

- I. Tanaman makanan asasi seperti padi dan biji-bijian lain yang sama dengan padi
- II. Tanaman bukan asasi seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, tebu, koko dan sebagainya
- III. Hasil usaha perikanan dan hasil laut seperti ikan, udang, mutiara, telur penyu dan lain-lain lagi."

Kecenderungan pandangan fatwa negeri Perlis berkaitan jenis tanaman yang diwajibkan zakat ini dilihat lebih progresif dan menepati tujuan atau *maqasid* daripada pensyariatan zakat pertanian. Cadangan untuk memperluaskan takrifan zakat pertanian kepada sebarang jenis tanaman turut dipersetujui oleh beberapa sarjana. Prosiding Konferen Antarabangsa berkaitan Masjid, Zakat dan Wakaf (IMAF 2014) bertajuk "Memperkasa zakat pertanian sebagai pelan pembangunan masyarakat Melayu" bersetuju bahawa satu usaha untuk memperluas sumber zakat pertanian di Malaysia perluas dilaksanakan.

Perkara ini turut dijelaskan Nuruul Hidayah Mansor (2012). Demikian juga menurut Asmak Ab Rahman dan Pazim@Fadzim Othman (2005) berpandangan hasil tanaman di Malaysia selain padi dilihat turut memberikan hasil yang lebih berbanding padi hingga mendarangkan kekayaan kepada pengusahaannya.

Abdul Aziz bin Muhammad (1986) menurut kajian beliau juga yang berpendapat bahawa pelaksanaan zakat pertanian hanya kepada penanam padi sahaja tidak memberikan jaminan keadilan ekonomi secara menyeluruh bahkan tidak mencapai sasaran kerana penanam padi adalah antara yang termiskin jika dibandingkan dengan penanam tanaman lain. Pengamalan sedia ada di Malaysia hanya memberikan fokus kepada pengusaha tanaman padi sedangkan terdapat tanaman lain yang diusahakan secara meluar dan lebih tinggi nilai komersial.

Selain kepesatan teknologi, kepelbagaiannya pendapat dalam kalangan para sarjana dalam mentarjihkan pandangan berdasarkan dalil, turut memberikan kesan kepada pelaksanaan

zakat pertanian. Di sebalik perbezaan pandangan dan pendapat dalam kalangan para ulamak, tersimpannya khazanah ilmu untuk dimanfaatkan oleh para pengkaji (Qaradawi, 2004). Pendekatan pemahaman sesuatu teks hadith menurut konteks yang sebenar telah menjadi rangkuman dalam pentarjihan sebahagian ilmuan (Mohd Asri Zainul Abidin, 2016). Hal ini telah mewujudkan perbezaan pandangan dalam pelaksanaan zakat pertanian di Negeri Perlis berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Keunikan pandangan Agama Islam di Perlis ini, bertitik tolak daripada jasa yang telah dimainkan oleh Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, yang telah berkenan mengurniakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis pada tahun 1948. Justeru, pada zaman pemerintahan baginda, segala perkara berkaitan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu di Negeri Perlis telah diselaraskan menurut tuntutan manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam Perkara 5(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Yazid Mat, Hazman Hassan, 2014).

Dasar Agama Islam Negeri Perlis di Bahagian II Perkara 5(1) menyatakan:

*"Agama bagi Negeri ialah Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jama'ah seperti telah diamalkan di dalam Negeri"*

Perkara ini telah diperjelaskan lagi melalui keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkaitan Pengertian Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menyatakan bahawa MAIPs tidak terikat kepada mana-mana mazhab tertentu (Mohd Akram Dahaman, 2005).

Keputusan fatwa ini telah menjadikan Perlis bebas memilih sesuatu pandangan yang difikirkan sesuai dan relevan berdasarkan konteks semasa. Ia telah menjadikan Perlis bersikap bebas dan tidak terikat kepada sesuatu pandangan, yang akan membelenggu pemikiran dan menghapuskan kebebasan minda dan nilai-nilai kreatif dalam merumuskan sesuatu pendapat (Mohd Asri Zainul Abidin, 2015).

Dasar Agama Perlis ini akhirnya membina asas dalam pelaksanaan zakat pertanian. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah mewujudkan kaedah pengiraan dan taksiran zakat pertanian berdasarkan pandangan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Perlis. Keputusan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang telah memberikan pandangan mengenai kewajipan semua hasil pertanian untuk dikenakan zakat sekitar tahun 1980'an telah menjadi titik tolak kepada Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkaitan Zakat Harumanis dan Zakat Pertanian pada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-14.

## 7. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dalam membincarakan pandangan para fuqahak terhadap jenis tanaman yang diwajibkan zakat, dapatlah difahami bahawa para fuqahak terdahulu telah memberikan pandangan berdasarkan *ijtihad* mereka setelah melihat kepada teks dalil dan kontek semasa yang menjadi realiti kehidupan mereka. Latar realiti yang mereka lalui, menjadi faktor pemangkin dalam mereka menentukan jenis tanaman yang diwajibkan zakat.

Pandangan *tarjih* yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam soal jenis tanaman yang diwajibkan zakat adalah menghampiri pandangan dalam *mazhab Hanafi* yang dilihat lebih luas dan menepati realiti dan kontek semasa. Dengan kemajuan bidang pertanian yang seiring dengan kepesatan teknologi, *tarjih* ini dilihat lebih menyampaikan maksud di sebalik kewajipan menunaikan zakat iaitu untuk membersihkan hasil daripada tanaman demi manfaat golongan asnaf layak menerima zakat. Namun begitu, kaedah dan perincian kepada beberapa jenis aktiviti pertanian yang dinyatakan dalam fatwa berkenaan perlu diteliti dan diperincikan untuk pelaksanaan di kalangan masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Muhammad (1986), "Zakat And Rural Development In Malaysia: An Ethical Analysis Of The Concepts Of Growth and Redistribution Of Income And Wealth in Islam and their Practices in a Contemporary Muslim Society" (Ph.D thesis, Temple University, USA)
- Asmak Ab Rahman dan Pazim@Fadzim Othman (2005), "Kaerah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian di Selangor", Jurnal Syariah, Jil. 13. Bil. 1., Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmak Ab Rahman et al. (2009), "Analisis Kaerah Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, 10-11 Februari 2009).
- Asmak Ab Rahman, (2011). Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad (2007), *al-Mughni wa al-Syarh al-Kabir*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Keputusan Fatwa Negeri Perlis Berkaitan *Ahlu Sunnah Wal Jama'ah*. Perlis : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Hal. 1 dan 4.
- Mohamad Zaim Isamail, Mohd Farhan Md Ariffin, Luqman Haji Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 7, 2013, pp. 33-47 Rujuk : <http://wwwkal.ums.edu.my/ljms/2013/LJMS%20Vol.%207.%202013,%20pp.%2033-47.pdf>
- Mohd Akram Dahaman, (2005). Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990 – 2000. Hal. 99 – 100.
- Mohd Asri Zainul Abidin (2015). Fanatik Mazhab Fekah & Kesan Negatifnya Terhadap Pemikiran Umat. Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis
- Mohd Asri Zainul Abidin (2016). *The Importance of Understanding: The Text and The Context of Hadith*. Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- Mohd Faisol Ibrahim & Suhana Musani (2010), Zakat dan Perlaksanaannya di Malaysia. Sabah: UMS.
- Mohd Shukri Hanapi, Zahri Mat (2016). *Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia: Hasil Kasar (HK) atau Hasil Bersih (HB) Satu Penilaian Semula*. Artikel Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat. Kuala Lumpur: Pusat Pengutan Zakat MAIWP.
- Nuruul Hidayah Mansor (2012). *Analisis Perbandingan Kaerah Pembayaran Zakat Tanaman: Kajian di Negeri Selangor dan Perlis*. Disertasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2014). *Fiqh az-Zakah*. Beirut: Resalah Publisher
- Risalah Panduan Mengeluarkan Zakat, (1997) – Cetakan Keenam. Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
- Sanep Ahmad dan Harunnizam Wahid (2004). "Persepsi dan Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf", (Kertas Kerja Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru, 7-8 Julai 2004) anjuran Kumpulan Kajian Zakat Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- 'Ulwan, 'Abd Allah Nasih, (2007). *Ahkam al-Zakah 'ala Dhau' al-Mazahib al-arba'ah*. Cairo: Dar al-Salam.
- Yazid Mat, Hazman Hassan, (2014). Perlis: *Dari Jajahan Takluk Ke Negeri Berdaulat*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja UniMAP.
- Zuhayli, Wahbah al-. (2010). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Darul Fikr